

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (25)  
Tarikh : 4 Ogos 2014

**Ketua Pengarang  
Tamil Malar**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR TAMIL MALAR BERTAJUK  
"MENINGGAL DUNIA SEBAGAI WARGANEGARA! KESEDIHAN  
PASANGAN" BERTARIKH 31 JULAI 2014, KHAMIS – M.S: 4**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Karupiah Joseph yang masih memegang kad pengenalan merah manakala isterinya Puan Saroja yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik Karupiah Joseph telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagan Persekutuan pada 04/07/2013 dan perkara ini masih dalam pertimbangan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Keputusan permohonan status kewarganegaraan Malaysia tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat di kaunter JPN.

4. Bagi kes Puan Saroja pula, JPN mengesyorkan beliau untuk mengemukakan permohonan lewat kelahiran. Memandangkan beliau tidak memiliki sijil kelahiran, mohon beliau ke JPN Teluk Intan untuk membuat Carian Daftar Kelahiran bagi membuktikan bahawa kelahirannya tidak pernah didaftarkan. Sekiranya permohonan beliau lengkap pihak JPN akan menguruskan proses permohonan Daftar Lewat Kelahiran Puan Saroja berdasarkan peruntukan undang – undang Negara ini.

Sekian, terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

#### **(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
  2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
  3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
  4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)